

RM 8 AUG 1987
KEPALA BATAS (Seberang Perai), Sabtu — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, menyatakan pertubuhan tersebut patut menjadi satu pergerakan orang ramai.

"Kita mahu UMNO menjadi satu pergerakan orang ramai untuk membolehkan UMNO berkhidmat dengan lebih gigih kepada semua rakyat di negara ini," tegas Perdana Menteri merasmikan persidangan perwakilan UMNO Bahagian Kepada Batas, di Dewan Sekolah Menengah Dairatul Ma'arifil Wataniah.

UMNO kini, terang beliau, mempunyai 750,000 ahli, tidak termasuk ribuan lagi penyokong parti. "Dan keahliannya semakin bertambah dengan adanya ahli-ahli baru termasuk juga mereka dari PAS yang patut diserapkan ke dalam UMNO."

"Ini asalkan mereka sanggup menjunjung tinggi perlembagaan dan perjuangan UMNO serta berganding bahu untuk kepentingan dan kemajuan negara kita," tegasnya.

Menurut Perdana Menteri lagi UMNO adalah tunjang parti Barisan Nasional yang memerintah yang juga mewarisi Partii Perikatan.

"Adanya UMNO menjadi sebuah parti politik yang terbesar dan stabil ialah kerana ahli-ahlinya mempunyai minat dan semangat perjuangan yang tinggi dalam bidang politik yang teratur.

"Tidak ada sebuah parti yang terbesar seperti UMNO walaupun di negara yang demokratik seperti Britain."

Menurut beliau lagi, kegigihan parti Barisan Nasional yang membawa

Oleh KAMIS AHMAD

kemajuan di seluruh negara serta meningkatkan kestabilan politik, mengkagumkan negara-negara luar.

"Malaysia adalah negara yang aman dan damai. Ini kerana adanya dasar negara yang tidak berubah dengan secara radikal."

Keadaan politik yang stabil ini, kata beliau, meyakinkan para pelabur melaburkan jutaan ringgit di Malaysia yang kemudiannya mereka dapat memungut balik wang yang dilaburkan itu.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia sedang mengambil beberapa langkah yang lebih berkesan untuk meningkatkan lagi kecekapan tenaga pekerja untuk membolehkan negara bersaing dengan negara-negara lain di bidang perniagaan.

"Kita tidak dapat bersaing kerana pekerja kita tidak begitu cekap," tegasnya.

Terdahulu dari ini, Perdana Menteri bersama isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali, disambut oleh Ke-

tua Menteri Pulau Pinang, Dr Lim Chong Eu dan Puan Lim setibanya mereka di Lapangan Terbang Mata Kucing, Butterworth.

Pemimpin-pemimpin UMNO Negeri juga turut hadir.

Sedia menunggu ketibaan Datuk Seri Dr Mahathir di Sekolah Menengah Dairatul Ma'arifil Wataniah ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul-fah Haji Ahmad Badawi, ahli-ahli UMNO dan penduduk tempatan.

Sekolah Dairatul Ma'arifil Wataniah telah menempa sejarah dalam tahun 1946 dalam mana perjuangan Melayu, Al-lahyarham Dato Onn Jaafar mengetuai perhimpunan raksasa menentang Malayan Union di utara Semenanjung.

Dalam tahun 1948, Dato Onn juga menghadiri perhimpunan seramai 15,000 pemuda UMNO berbaris berpakaian seragam putih bagi kali pertama untuk menuntut kemerdekaan negara.